

# Kedutaan Amerika Syarikat sumbang 100 naskah buku sastera kepada UMS

OLEH BALQIS JAMALUDIN  
balqis@newsabah-times.com.my

**NST 11.12.13 2**  
KOTA KINABALU: Sumbangan 100 naskah buku sastera koleksi 'Library of America Series' dari Kedutaan Amerika Syarikat kepada perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan langkah permulaan untuk membina hubungan yang rapat antara Sabah dan Amerika Syarikat.

Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Joseph Y. Yun, berkata sumbangan buku sastera yang mengandungi puisi, novel, essei dan drama yang ditulis oleh penulis tersohor Amerika itu pasti dapat memanfaatkan para pelajar dan masyarakat setempat di sini.

"Walaupun pemberian buku-buku ini hanyalah dari jumlah yang kecil namun ilmu yang terdapat di dalamnya sungguh bernilai dan dapat dimanfaatkan oleh para pelajar di universiti ini untuk sepanjang masa," kata Joseph ketika berucap sempena dengan lawatan rasminya ke UMS, di sini, kelmarin.

Sambil menyifatkan lawatan pertama kalinya ke Sabah ini sebagai pengalaman yang cukup bermakna, Joseph berkata pihaknya begitu menghargai persamaan ciri-ciri yang dimiliki antara Amerika

Syarikat dan Malaysia.

Katanya, penduduk kedua-dua negara itu berpeluang hidup dalam suasana harmoni dan aman walaupun terdiri dari pelbagai bangsa, agama dan budaya.

Juga katanya, Malaysia mengamalkan sifat keterbukaan dalam aspek perdagangan, ekonomi di samping mengamalkan demokrasi yang berpolitik seperti Amerika Syarikat.

"Jadi, pihak kedutaan akan menjadikan persamaan ini sebagai satu platform bagi mengukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua Negara," katanya.

Katanya, hubungan erat antara Malaysia dan Amerika Syarikat dapat dilihat dalam aspek pendidikan di mana universiti-universiti di Negara tersebut menerima lebih 6,700 kemasukan pelajar-pelajar baru dari Malaysia.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Mansur, berkata pihak UMS menyambut baik sumbangan yang tidak terilai dari Kedutaan Amerika Syarikat itu.

Katanya, melalui sumbangan itu UMS berjaya menambah bilangan 420, 500 buah buku yang dimiliki oleh perpustakaan Universiti di Kampus Kota Kinabalu, Labuan dan Sandakan.

"Sumbangan buku-buku ini bukan sahaja bakal memanfaatkan para pelajar UMS, malahan ia turut memberi kemudahan akses terhadap bahan bacaan kepada masyarakat di Kota Kinabalu dan Sabah secara keseluruhan," katanya.

Selain itu katanya, UMS mengharapkan agar lebih banyak lagi kerjasama yang dapat dijalankan oleh pihak Universiti dengan pihak Kedutaan.

Antaranya, pihak perpustakaan UMS boleh menjalin hubungan kerjasama dengan Pusat Sumber Lincoln (Lincoln Resources Centre) melalui pelbagai program dan pinjaman buku-buku.

Selain itu, pihak UMS dan Kedutaan Amerika Syarikat boleh bekerjasama melalui program penyelidikan saintifik dan aktiviti pertukaran budaya, kakitangan dan pelajar.

"Antara inisiatif yang boleh diambil adalah dengan meningkatkan jumlah pelajar Sarjana dari Malaysia yang melanjutkan Ijazah Kedoktoran dan melakukan penyelidikan di universiti-universiti di Amerika Syarikat."

"Juga, UMS bersedia menerima kehadiran para pelajar untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang-bidang yang berkaitan di UMS," katanya.

Dalam pada itu, Dr. Kasim



SUMBANGAN BUKU ... Joseph (dua dari kiri) menyerahkan sebahagian buku-buku yang disumbangkan kepada Timbalan Ketua Pustakawan Kanan UMS, Zawawi Titunin, sambil disaksikan oleh Dr. Kasim (dua dari kanan) dan isteri Joseph, Dr. Melanie Billings-Yun (kiri sekali).

juga mencadangkan pelajar universiti-universiti dari Amerika Syarikat menghabiskan cuti musim panas mereka nanti di UMS.

"Sudah menjadi kebiasaan bagi pelajar universiti di Amerika Syarikat untuk melancong mengelilingi dunia di mana ia merupakan menyumbangkan markah tambahan bagi kursus di universiti mereka."

"UMS bersedia untuk menyediakan segala kemudahan termasuk tempat tinggal selain menyusun atur jadual program sepanjang mereka di

sini," kata Dr. Kasim.

Cadangan ini juga merupakan satu langkah untuk

mengeratkan lagi hubungan antara negeri Sabah dan kedutaan Amerika Syarikat.